



KENYATAAN MEDIA

MRT CORP MENGANUGERAHKAN EMPAT PAKEJ KERJA

Tiga pakej kerja jejambat dan satu pakej kerja stesen telah dianugerahkan bagi pembinaan MRT Laluan SSP

Kuala Lumpur, 10 Mac 2017: Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) ingin mengumumkan penganugerahan kontrak pakej kerja bagi pembinaan MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (SSP).

Pakej Kerja V205 bagi pembinaan dan penyiapan jejambat dan kerja-kerja berkaitan dari Kampung Muhibbah ke Serdang Raya telah dianugerahkan kepada Trans Resources Corporation Sdn Bhd. Nilai kontrak ialah RM858.18 juta.

Tender bagi Pakej Kerja V205, yang disediakan dalam kategori terbuka, telah bermula pada 1 November 2016 dan ditutup pada 12 Januari 2017. Sejumlah lima syarikat telah mengemukakan tender. Petender yang berjaya juga telah dianugerahkan Pakej Kerja Awalan bagi pembinaan MRT Laluan SSP.

Trans Resources juga telah dianugerahkan kontrak pakej kerja untuk MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) untuk membina Depoh MRT Sungai Buloh.

Sementara itu, petender yang berjaya bagi Pakej Kerja V206 untuk pembinaan dan penyiapan laluan jejambat dan kerja-kerja berkaitan dari Serdang Raya ke UPM ialah Gadang Engineering (M) Sdn Bhd. Nilai kontrak ialah RM952.09 juta.

Petender bagi Pakej Kerja V206, yang juga dalam kategori terbuka, telah bermula pada 5 September 2016 dan ditutup pada 22 November 2016. Sejumlah enam syarikat telah mengemukakan tender bagi pakej ini. Petender yang berjaya juga telah dianugerahkan Pakej Kerja bagi pembinaan MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK).



Pakej ketiga, Pakej Kerja V209 untuk pembinaan dan penyiapan laluan jejambat dan kerja-kerja berkaitan dari Persiaran Alpinia ke Persiaran APEC telah dianugerahkan kepada Acre Works Sdn Bhd. Nilai kontrak ialah RM715.99 juta.

Tender bagi Pakej Kerja V209, yang merupakan tender untuk kategori Bumiputera, telah bermula pada 19 September 2016 dan ditutup pada 21 November 2016. Sejumlah empat tender telah dikemukakan.

Acre Works juga terlibat dalam pembinaan Laluan SBK di mana syarikat ini telah mengendalikan pakej kerja awal untuk kontrak reka bentuk dan binaan bagi woksyp baharu JKR Wilayah Persekutuan dan kerja yang berkaitan, serta pembekalan dan penghantaran galang kekotak bersegmen (*segmental box girders*).

Penganugerahan bagi tiga pakej kerja ini telah dibuat selepas satu Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Seheniti I (*One Stop Procurement Committee I*) yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak. Mesyuarat OSPC I membuat keputusan penganugerahan kontrak bernilai RM300 juta ke atas.

Sementara itu, Mesyuarat Jawatankuasa Perolehan Seheniti II (OSPC II) berasingan untuk membuat keputusan penganugerahan pakej kerja bernilai kurang daripada RM300 juta yang dipengerusikan oleh Menteri Kewangan II Datuk Seri Haji Johari Abdul Ghani, telah membuat keputusan untuk Pakej Kerja S201 untuk pembinaan dan penyiapan stesen bertingkat dan kerja-kerja berkaitan di Damansara Damai, Sri Damansara Barat dan Sri Damansara Timur.

Penender yang berjaya bagi pakej kerja ini adalah Sunway Construction Sdn Bhd. Nilai kontrak ialah RM212.3 juta.

Tender bagi Pakej Kerja S201 telah bermula pada 14 September 2016 dan ditutup pada 20 November 2016. Sejumlah lapan tender telah dikemukakan.

Sunway Construction pada masa ini merupakan Kontraktor Pakej Kerja Jejambat V201 untuk pembinaan jejambat bertingkat Laluan SSP dari Sungai Buloh ke Persiaran Dagang. Sunway Construction juga telah menjadi kontraktor Laluan SBK untuk Pakej Jejambat V4 untuk pembinaan jejambat bertingkat dari Seksyen 17 Petaling Jaya ke Portal Semantan.

Rumusan penganugerahan dilampirkan bersama kenyataan media ini.

Ketua Pegawai Eksekutif MRT Corp Dato' Sri Shahril Mokhtar telah mengucapkan tahniah kepada pretender yang berjaya dan menyatakan bahawa penglibatan mereka dengan Projek MRT sebelum ini adalah perkara yang amat positif.

"I mengalu-alukan mereka kembali bekerja dengan Projek MRT. Pengalaman mereka dengan Laluan SBK adalah satu kelebihan. Saya percaya ini akan membolehkan mereka bekerja dengan baik dan lancar bagi Projek MRT Laluan SSP.



Shahril turut kata bahawa kesemua empat pretender yang berjaya telah dipilih berdasarkan Penilaian Tender Terbaik, yang mana tender telah dinilai mengikut teknikal, komersial, undang-undang, kewangan dan Program Kolaborasi Industri (ICP).

-tamat/-

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

*Mr Leong Shen-li
MRT Corp*

012-3196602/leong.shen-li@mymrt.com.my

*Cik Amalina Ghazali
MRT Corp*

016-2154055 / amalina.ghazali@mymrt.com.my



RUMUSAN PAKEJ KERJA YANG DIANUGERAHKAN

	Deskripsi Pakej	Tender Dimenangi oleh	Harga Tender
1.	Pakej Kerja V205: Pembinaan dan penyiapan jejambat dan kerja-kerja berkaitan dari Kampung Muhibbah ke Serdang Raya	Trans Resources Corporation Sdn Bhd.	RM858.18 juta
2.	Pakej Kerja V206: Pembinaan dan penyiapan jejambat dan kerja-kerja berkaitan dari Serdang Raya ke UPM	Gadang Engineering (M) Sdn Bhd.	RM952.09 juta
3.	Pakej Kerja V209: Pembinaan dan penyiapan jejambat dan kerja-kerja berkaitan dari Persiapan Alpinia ke Persiaran APEC	Acre Works Sdn Bhd.	RM715.99 juta
4.	Pakej Kerja S201: Pembinaan dan penyiapan stesen bertingkat dan kerja-kerja bertingkat di Damansara Damai, Sri Damansara Barat dan Sri Damansara Timur	Sunway Construction Sdn Bhd.	RM 212.3 juta